

28 SEP 1997

Mahathir-barangan

BARANGAN BUATAN MALAYSIA MAMPU BERSAING KELUARAN JENAMA TERKENAL

Oleh: Syed Jamil Jaafar

HAVANA, 28 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini barangan buatan Malaysia mampu bersaing dan diterima sebagai setanding dengan barangan jenama terkenal di pasaran baru seperti Cuba.

Beliau berkata di kebanyakan negara, produk Jepun dengan jenama Sony dan Hitachi misalnya menguasai pasaran tetapi di negara-negara baru membuka seperti Cuba, setiap produk luar akan mendapat 'access' yang sama.

'Jika kita membawa masuk barangan MEC (Malaysia Electric Corp) misalnya, ia akan diterima oleh pasaran ini seperti juga mereka menerima barangan Sony,'kata beliau kepada wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatan tiga harinya ke Cuba.

'Bagi mereka tiada perbezaan, kesemua barangan ini datangnya dari negara-negara ekonomi Harimau Timur Jauh.

'Mereka tidak melihat kita sebagai kurang bermutu berbanding dengan Jepun. Bagi mereka, orang dari rantau Timur pandai mengeluarkan barangan seperti ini.'

Dr Mahathir berkata jika usaha gigih dilakukan, Malaysia boleh meningkatkan dengan banyak dagangan dengan Cuba yang jumlahnya kini tidak melebihi satu juta dolar AS setahun.

Katanya jarak yang jauh antara kedua-dua negara tidak harus menjadi penghalang memandangkan Malaysia telah pun menjalin hubungan dagangan bernilai ratusan juta ringgit dengan Chile, negara terjauh baginya.

Ditanya mengenai pandangannya terhadap Cuba, Dr Mahathir berkata tanggapan yang diperolehi sebelum ini daripada laporan-laporan adalah tidak tepat kerana keadaan di sini walau pun daif tidaklah seburuk yang digambarkan.

'Kita dapati bahawa mereka umpamanya memberi tumpuan kepada sektor-sektor tertentu termasuk penyelidikan dalam bidang perubatan dan kejuruteraan genetik yang begitu canggih sekali.

'Ini mengkagum dan menghairankan kita. Sebenarnya pencapaian mereka amat baik sekali,'kata beliau dengan menambah bahawa Malaysia boleh mempelajari daripada Cuba dalam bidang-bidang tertentu.

Cuba misalnya telah berjaya menangani penyakit demam denggi yang masih menjadi masalah besar di Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau mendapati orang Cuba peramah dan sangat berminat untuk meningkat hubungan dan kerjasama dengan Malaysia.

Perdana Menteri berkata beliau dan Presiden Castro dalam perbincangan mereka semalam mendapati kedua-dua negara mempunyai pandangan yang sama dalam bidang-bidang tertentu.

'Ideologi yang mereka amalkan adalah berlainan tetapi jika kita boleh bekerjasama dengan China kenapa tidak Cuba,'kata Dr Mahathir.-- BERNAMA
sj WAT